


Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2009/2010

 Azilawati Suanda

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2008/2009 telah melabuhkan tirainya dan kini tibalah barisan pucuk kepimpinan yang baru bagi melaksanakan dan memikul tanggungjawab sebagai wakil mahasiswa di UniMAP. Pada 7 Oktober 2009 yang lalu, terbentuklah satu barisan kepimpinan pelajar iaitu Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010 yang telah memenangi semua kerusi tanpa bertanding.

Sebagai pengiktirafan kepada pelantikan mereka, satu Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2009/2010 telah berlangsung pada 21 Oktober 2009 yang lalu di Hotel Hydro, Batu Ferringhi Pulau Pinang. Pelantikan mereka telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin iaitu Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan yang senantiasa memberi sokongan kepada barisan kepimpinan pelajar yang dilantik.

Di dalam majlis tersebut, Naib Canselor telah menyarankan agar barisan Majlis Perwakilan Pelajar pada kali ini akan lebih banyak menganjurkan program yang mempunyai satu tujuan dan satu matlamat yang jelas dan penganjuran semua program haruslah ke arah menjadi 'Juara Perpaduan' untuk semua

sepertimana gagasan '1 Malaysia' yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Barisan kepimpinan MPP hendaklah menjalankan tanggungjawab dengan ikhlas dan tulus supaya tidak lagi timbul persoalan-persoalan yang negatif daripada segelintir pelajar. Penganjuran program kemasyarakatan juga disarankan oleh Naib Canselor supaya pemimpin pelajar lebih mendekati masyarakat setempat di samping menjadikan mereka lebih berkeyakinan berhadapan dengan orang ramai.

Di samping itu, kesemua Mantan MPP 2008/2009 telah diberi penghormatan dan penghargaan di atas kesungguhan dan jasa mereka sepanjang tempoh kepimpinan mereka dalam menaikkan nama universiti dan komitmen mereka membantu pihak pengurusan dalam penganjuran program-program besar di UniMAP.

Barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010 telah dianggotai oleh 33 orang pelajar yang diterajui oleh Yang DiPertua Muhammad Nur Bin Nisbah pelajar jurusan Kejuruteraan Bahan. Selamat Maju Jaya diucapkan kepada semua barisan MPP 2009/2010 dan semoga mereka dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi.

